

Pengundi lontar mesej tegas menuntut perubahan nyata

Perdana Menteri ucap tahniah kepada Hajiji atas mandat baharu

Kuala Lumpur: Kerajaan MADANI menghormati sepenuhnya mesej tegas dan jelas yang dilontarkan pengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah Ke-17, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pengundi jelas menuntut perubahan yang nyata selepas sekian lama dihadapkan dengan

ketidakadilan serta pengabaian oleh hampir semua parti, sama ada dari Semenanjung mahupun Sabah sendiri.

Beliau sekali gus mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor, atas mandat baharu pembentukan kerajaan negeri itu.

"Alhamdulillah, dalam tiga tahun lalu, kami berusaha merungkai setiap isu yang diwarisi, termasuk soal tuntutan dan hak yang menyentuh kepentingan Sabah.

"Dalam tempoh singkat ini, beberapa kemajuan nyata telah dicapai berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

"Justeru, Kerajaan MADANI akan terus konsisten di jalur

pembaharuan ini sebagai usaha serta upaya kita melahirkan sebuah Sabah yang adil, saksama, makmur dan tidak lagi dipinggirkan.

"Suara rakyat Sabah adalah amanah yang mesti kita junjung dengan sikap pertanggungjawaban yang tinggi," katanya dalam hantaran melalui Facebook beliau, semalam.

PM turut turun berkempen

Sepanjang tempoh 14 hari kempen PRN17 Sabah ini, Perdana Menteri turut beberapa kali turun berkempen bagi meraih sokongan kepada calon PKR yang bertanding mewakili Pakatan Harapan (PH) dalam pilihan raya ini.

Keputusan rasmi Keputusan rasmi PRN Sabah ke-17 menyaksikan parti Gabungan Rakyat Sabah (GRS) memenangi 29 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Seri Ramlan Harun, mengumumkan ia diikuti Parti Warisan dengan 25 kerusi, manakala Barisan Nasional (BN) enam kerusi.

Selain itu, BEBAS pula lima kerusi; Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) - 3 kerusi; Parti Solidariti Tanah Airku (STAR Sabah) - 2 kerusi; masing-masing satu kerusi dimenangi oleh Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM); Perikatan Nasional (PN) dan PH.